

Perlembagaan NGO Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Keperluan Pembentukan Garis Panduan
*The Constitution of Islamic Non-Governmental Organizations in Malaysia:
An Analytical Assessment of the Need for Establishing Guidelines*

Nur Aina Abdulah, Norhoneydatie Abdul Manap✉

Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam di Malaysia adalah sebuah pertubuhan sosial yang memainkan peranan yang penting dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan sama ada dalam atau luar negara. Ia didaftarkan di bawah agensi-agensi pendaftaran pertubuhan dan tertakluk kepada undang-undang dan akta yang mengikatnya. Permasalahannya adalah ketidakseragaman perlembagaan dan dasar NGO Islam di Malaysia yang datang dalam pelbagai bentuk. Tambahan pula dengan ketiadaan satu pusat informasi setempat yang boleh dirujuk bagi mendapatkan maklumat berkaitan penubuhan NGO dari setiap agensi pendaftar pertubuhan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis keperluan NGO Islam di Malaysia terhadap pembentukan garis panduan perlembagaan. Selain itu, kajian ini turut menganalisis elemen perundangan dalam pembentukan sesebuah perlembagaan. Metodologi kajian kualitatif digunakan dengan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul dari dua sumber, iaitu temu bual dan analisis dokumen seperti perlembagaan organisasi. Hasil kajian mendapati bahawa perlunya ada satu garis panduan kepada pembentukan perlembagaan NGO Islam di Malaysia agar ia menjadi rujukan dan panduan kepada semua terutamanya bagi mereka yang ingin menubuhkan pertubuhan yang baharu. Garis panduan perlembagaan itu hendaklah mencakupi elemen-elemen penting yang perlu ada di dalam sesebuah perlembagaan dan dasar organisasi NGO Islam demi memastikan ketelusan dan tadbirurus yang baik dan profesional.

KATA KUNCI

Dasar, garis panduan, keperluan, organisasi bukan kerajaan (NGO), perlembagaan

ABSTRACT

Islamic Non-Governmental Organizations (NGOs) in Malaysia play a significant role in various social activities both within the country and internationally. These organizations are registered under various regulatory agencies and are subject to specific laws and statutes. A central issue is the lack of uniformity in the constitutions and policies of Islamic NGOs in Malaysia, which vary considerably. Additionally, the absence of a centralized local information hub for reference on the establishment of NGOs from various Malaysian registration agencies exacerbates the problem. This study aims to identify and analyze the need for Islamic NGOs in Malaysia to develop a standardized set of constitutional guidelines. Furthermore, the research also examines the legal elements involved in the formation of an organization's constitution. A qualitative research methodology is employed, using a case study design. Data is collected through interviews and document analysis, including the constitutions of organizations. The findings indicate a pressing need for a guideline for the establishment of constitutions for Islamic NGOs in Malaysia to serve as a reference and guide, especially for those seeking to form new organizations. These

Article History

Received: October 11, 2023

Revised: November 22, 2023

Accepted: December 1, 2023

Published: December 15, 2023

✉ Contact

Norhoneydatie Abdul Manap
(Corresponding Author)
norhoney@ukm.edu.my

Citation

Nur Aina Abdulah, Norhoneydatie Abdul Manap. 2023. Perlembagaan Ngo Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Keperluan Pembentukan Garis Panduan. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(2): 46-52.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

guidelines should encompass essential elements required in the constitution and policies of Islamic NGOs, ensuring transparency, good governance, and professionalism.

KEYWORDS

Policy, guidelines, need, non-governmental organization (NGO), constitution.

PENDAHULUAN

Non-Government Organisation (NGO) di Malaysia secara amnya didefinisikan sebagai pertubuhan sosial atau perniagaan bukan kerajaan (Lewis, 2009). Manakala menurut perspektif Jabatan Kebajikan Masyarakat, NGO merujuk kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bercorak kebajikan yang mengendalikan program dan menyediakan perkhidmatan untuk kumpulan sasaran. NGO juga merupakan badan bukan kerajaan atau organisasi swasta yang bertindak secara sukarela, tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Ia ditubuhkan bagi memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat atau lebih khusus, NGO menjalankan kegiatan untuk pembangunan masyarakat (Azzyati, 2014). Demirovic (2003) mendefinisikan NGO sebagai satu bentuk organisasi kendiri dengan tujuan menyatakan kepentingan tertentu dan mengatur isu-isu tertentu dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, hak wanita, bekalan makanan dan air, perlindungan alam sekitar, kesihatan dan pengangkutan. Definisi ini memberikan perspektif yang lebih luas dan menonjolkan NGO sebagai sebuah organisasi dan gerakan, yang secara khususnya memfokuskan kepada peranannya sebagai organisasi akar umbi yang melaksanakan kepentingan dan aktiviti tertentu.

Berdasarkan kepada definisi-definisi NGO tersebut, maka, kriteria yang jelas adalah berorientasikan yang tidak mengaut keuntungan, atau dikategorikan sebagai NPO (non-profit organization). Dari segi peranan, NGO memainkan peranan penting dalam isu kemanusiaan yang mana merupakan antara objektif yang diperjuangkan oleh sebilangan besar NGO di Malaysia. Hemamalani (2020) menyifatkan bahawa NGO sebagai tulang belakang kepada pelarian-pelarian atas banyaknya sokongan yang diberikan. Peranan NGO dalam memperjuangkan nasib pelarian tidak dapat disangkal lagi oleh manapun pihak sekalipun. Asmady Idris (2012) pula memuji kesungguhan yang ditunjukkan dan kerjasama sesama NGO dalam membantu rakyat Gaza di Palestin. Malah, tiada persaingan atau perselisihan antara NGO dan kerajaan dalam isu kemanusiaan di Gaza, yang mana sama-sama membantu dan menghulurkan bantuan.

NGO Islam turut memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan dakwah di Malaysia

(Najihah, 2017; Norsaleha, 2016; Farahwahida, t.t.). Pelbagai aktiviti dan program agama dilakukan bertujuan memberikan kefahaman Islam yang sebenar sama ada kepada orang Islam itu sendiri, maupun bukan Islam. Malahan, NGO Islam juga berperanan dalam menangani isu feminism yang dibawa oleh Barat dengan menggiatkan kempen-kempen dan aktiviti ilmiah. Selain itu, beberapa kajian terdahulu tentang sejarah perkembangan NGO di Malaysia serta cabaran yang dihadapi telah dijalankan oleh Makmor (2017), Maszlee (2017), Laila (2016) dan Khoo (2013). Manakala, Khadijah (2021) telah mencadangkan satu garis panduan pendekatan syariah tentang had pengambilan komisen yang dibenarkan.

Namun begitu, kajian mendapati tiada suatu panduan tentang pembentukan perlembagaan sesebuah pertubuhan yang boleh dijadikan rujukan, terutama bagi mereka yang baru berhasrat menubuhkan NGO. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti dan menganalisis keperluan NGO Islam terhadap pembentukan garis panduan perlembagaan dan dasar NGO Islam di Malaysia. Permasalahan kajian ini terdiri daripada tiga isu utama. Pertama; terdapat pelbagai bentuk perlembagaan dan dasar NGO Islam di Malaysia. Ketidakseragaman perlembagaan dan dasar NGO Islam yang ada di Malaysia dapat dilihat secara langsung dalam perlembagaan mereka. Setiap NGO dilihat seolah-olah hanya menggunakan contoh perlembagaan yang telah disediakan oleh Pendaftar Pertubuhan atau agensi yang mendaftar organisasi. Tiada elemen baru yang dimasukkan walaupun ia juga merupakan perkara penting yang perlu ada dalam sesebuah perlembagaan NGO Islam, contohnya; galakan kerjasama sesama NGO Islam tidak digariskan dengan jelas sedangkan ia juga sepatutnya menjadi dasar bagi sesebuah pertubuhan bagi melancarkan lagi gerak kerja dan mengelakkan pertindihan aktiviti yang akan mengakibatkan pembaziran sumber tenaga manusia dan wang ringgit.

Kedua; tiadanya pusat informasi setempat mengenai penubuhan NGO. Mereka yang ingin menubuhkan NGO tercari-cari maklumat dan informasi yang lengkap dan tepat. Ini kerana, maklumat berkaitan pendaftaran NGO hanya pada pihak berkuasa. Begitu juga dengan pendaftaran organisasi yang dilakukan di pelbagai agensi yang tidak terhubung kerana bidangkuasa perundangan dan sistem pendaftaran yang berbeza. Tiada penyelarasan dibuat sesama pendaftar-pendaftar pertubuhan.

Ketiga; garis panduan yang disediakan oleh setiap pendaftar pertubuhan didapati tidak mesra pengguna dan tidak memberikan maklumat dan informasi yang lengkap. Maklumat seperti contoh kerangka perlembagaan pertubuhan di laman sesawang diberikan dalam bentuk yang sangat ringkas. Tiada penasihat penulisan dari pihak berautoriti. Malah, ia bertambah rumit apabila ada pihak pendaftar pertubuhan sukar dihubungi dan tiada perkhidmatan pelanggan yang baik, seperti, panggilan telefon yang tidak berangkat dan emel yang tidak berbalas. Ini menyebabkan kesukaran kepada mereka yang ingin mendaftarkan NGO.

KAJIAN LITERATUR

Istilah NGO atau non-governmental Organization (Organisasi bukan Kerajaan) digunakan sejak tertubuhnya PBB pada tahun 1945, atau lebih tepatnya pada Piagam PBB Fasal 71 Bab 10 tentang peranan konsultatif non-governmental organization. Ia digunakan untuk membezakan antara hak penyertaan badan-badan pemerintah (intergovernmental agencies) dan organisasi-organisasi swasta internasional (international private organizations). Istilah NGO membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membezakan dalam piagamnya agensi antara kerajaan daripada organisasi swasta dan hak penyertaan masing-masing (Omar, 2007).

Bagi Bank Dunia, NGO didefinisikan sebagai organisasi swasta yang menjalankan kegiatan untuk meringankan penderitaan, mengurangkan jurang kemiskinan, memelihara lingkungan hidup, menyediakan khidmat sosial atau melakukan kegiatan pembangunan masyarakat (Azzyati, 2014). Dalam kamus Sains Politik Pentadbiran Awam, (2009) NGO ditakrifkan sebagai organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat atau sebarang isu yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat.

NGO pada prinsipnya bertindak secara sukarela, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik (Ahmed & Potter, 2006). Oleh itu, jenis organisasi (NGO) sedemikian di sebut sebagai '*Civil Society Organizations*', iaitu Pertubuhan Masyarakat Awam. Sehubungan ini, Shinichi & Kasian & Apichart (2004) menyimpulkan bahawa terdapat enam gabungan prinsip NGO yang dikatakan unggul itu. Pertama; ia adalah pertubuhan bukan kerajaan (non-governmental) yang dapat melaksanakan keputusannya sebagai sebuah organisasi yang bebas daripada kehendak kerajaan. Kedua; tidak membuat keuntungan yang dapat dilihat dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankannya tidak bermotif mengaut keuntungan. Malah, sekiranya ada keuntungan yang mungkin terhasil daripada aktiviti tidak boleh dibahagikan kepada sesama ahlinya untuk kepentingan peribadi.

Ketiga; kesukarelaan yang membawa maksud keinginan setiap ahli untuk mengambil bahagian

dalam aktiviti dan program yang dijalankan. Keempat; entiti yang kukuh, berterusan dan sistematik. Kelima; altruistik yang bertujuan untuk kebaikan dan maslahat umum. Keenam; dermawan yang merujuk kepada fakta bahawa NGO tidak mungkin menerima bayaran yang mencukupi daripada penerima.

Setiap perlembagaan NGO di Malaysia ini dibuat berdasarkan templat atau contoh yang diberikan oleh pendaftar pertubuhan masing-masing. Pendaftaran NGO di Malaysia adalah terbuka dan boleh memilih untuk didaftarkan di bawah salah satu daripada 4 agensi utama dan terikat dengan akta tertentu sperti berikut;

1. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) atau lebih dikenali dengan nama Registrar of Society (R.O.S)

Majoriti besar NGO adalah berdaftar di bawah ROS. Ini adalah kerana pendekatan ROS yang lebih terbuka dan tidak meletakkan syarat yang ketat demi untuk menggalakkan pertumbuhan NGO di Malaysia. Apa jua pergerakan atau pertubuhan atau persatuan yang mengandungi minimum 7 orang, tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal boleh mendaftarkan pertubuhannya. NGO yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) adalah tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966 yang mula berkuatkuasa pada 1 Februari 1966. Akta ini merupakan suatu akta yang meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan pendaftaran pertubuhan-pertubuhan. Akta Pertubuhan 1966 turut menentukan, dari segi undang-undang, pengendalian pertubuhan berdaftar dengan menyatakan ‘apa-yang-boleh-dilakukan’ dan ‘apa-yang-tidak-boleh-dilakukan’. Dari aspek keperluan pertubuhan kepada perlembagaan turut diperuntukkan dalam akta ini sebagaimana terdapat di bawah seksyen 7 (3) (e) yang memperuntukkan bahawa pendaftar berhak untuk menolak pendaftaran sesebuah pertubuhan sekiranya perlembagaan atau aturan pertubuhan tidak menyenaraikan perkara-perkara yang perlu ada dalam Jadual 1 Akta Pertubuhan 1966. Jadual 1 memperuntukkan 15 perkara yang perlu diperuntukkan dalam perlembagaan pertubuhan, antaranya adalah nama, alamat, lambang atau logo, matlamat, kaedah perlantikan ahli, keahlian, jawatankuasa, syarat pemegang jawatan, pendapatan dan perbelanjaan kewangan, juruaudit, syarat kecukupan bilangan ahli mesyuarat, syarat pindaan perlembagaan, syarat pertubuhan berkaitan politik dan syarat pertubuhan yang mempunyai cawangan.

2. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU)

Pertubuhan yang berdaftar di bawah BHEUU ini dikenali sebagai Pemerbadanan Pemegang Amanah yang mempunyai matlamat tertentu seperti kebajikan, tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, atau sosial. Penubuhan tertakluk kepada persetujuan dan keizinan daripada Menteri di Jabatan Perdana

Menteri. Minimum 3 orang pemegang amanah diperlukan, selain daripada seorang atau sekumpulan pengasas diperlukan bagi melengkapkan proses penubuhan. Pertubuhan yang berdaftar di bawah BHEUU adalah tertakluk kepada Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] dari sudut pendaftaran, perlantikan, pemantauan, pembubaran dan juga perlembagaan pertubuhan. Dokumen perlembagaan dinamakan sebagai Surat Ikatan Amanah yang perlu juga dilampirkan ketika membuat pendaftaran. Pihak BHEUU juga mempunyai templet Surat Ikatan Amanah yang boleh digunakan oleh pertubuhan untuk tujuan draf perlembagaan pertubuhan.

3. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Pertubuhan yang berdaftar di bawah SSM ini dikenali sebagai syarikat berhad dengan jaminan (SBMJ). Matlamat penubuhan adalah semata-mata untuk tujuan kebajikan tanpa melibatkan aktiviti mencari keuntungan. Dana permulaan sebanyak RM1 juta tunai perlu disediakan sebagai syarat utama untuk membolehkan syarikat ini ditubuhkan. Minimum 2 orang pemegang amanah yang mempunyai alamat kediaman di Malaysia diperlukan. Selain itu, minimum 2 orang ahli yayasan juga diperlukan bagi melengkapkan proses penubuhan. Bagi membolehkan yayasan ini ditubuhkan, kelulusan Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK) perlu diperolehi terlebih dahulu. Sesebuah pertubuhan NPO yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah tertakluk di bawah Akta Syarikat 2016. NPO yang ditubuhkan sebagai SBMJ ini dikawal oleh seksyen 45 akta ini yang memperuntukkan mengenai pendaftaran SBMJ, objektif penubuhan serta beberapa lagi peraturan yang ditetapkan yang perlu dipatuhi oleh SBMJ. Selain daripada Akta Syarikat 2016, sesebuah SBMJ juga perlu patuh kepada garis panduan yang telah dikeluarkan oleh SSM. Garis panduan terkini adalah garis panduan yang telah diluluskan pada 27 September 2021. Antara peraturan yang perlu dipatuhi oleh sesebuah SMBJ adalah pertubuhan perlu melampirkan perlembagaan pertubuhan ketika pendaftaran.

4. Labuan Financial Services Authority

Sesebuah NPO juga boleh memilih pendaftaran di bawah Labuan Financial Services Authority atau dikenali sebagai Labuan FSA atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), dahulunya dikenali sebagai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), ialah agensi sehenti yang ditubuhkan pada 15 Februari 1996 sebagai badan kawal selia tunggal untuk mempromosikan dan membangunkan Labuan sebagai Perniagaan Antarabangsa & Pusat Kewangan (IBFC). Penubuhannya seterusnya menarik perhatian

komitmen kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai IBFC terulung yang bereputasi tinggi. Labuan FSA ditubuhkan untuk menumpukan pada pembangunan dan promosi perniagaan, memproses permohonan dan menyelia aktiviti perniagaan dan kewangan, membangunkan objektif negara, dasar dan menetapkan keutamaan, mentadbir dan menguatkuasakan perundangan, dan memperbaikkan/mendaftarkan syarikat luar pesisir Labuan. Oleh itu, sesebuah pertubuhan juga mempunyai pilihan untuk mendaftar pertubuhan atau NPO di bawah Labuan FSA dan tertakluk kepada beberapa akta dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Labuan FSA. Walau bagaimanapun, tidak banyak NPO yang ditubuhkan di bawah Labuan FSA ini. Merujuk kepada portal rasmi Labuan FSA, sehingga 2 September 2022, hanya terdapat 15 buah pertubuhan yang didaftarkan dan semua NPO yang didaftarkan di bawah Labuan FSA ini hendaklah meletakkan nama pertubuhan tersebut dengan nama ‘Yayasan’ atau ‘Foundation’.

5. Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)

Sesebuah pertubuhan NPO berkaitan belia mempunyai pilihan untuk membuat pendaftaran di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia yang telah ditubuhkan untuk memastikan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bergerak secara lebih efisyen dan efektif sejajar dengan matlamat pembangunan belia serta peruntukan dalam Akta. Perlembagaan NPO yang berdaftar di bawah ROY ini adalah tertakluk kepada Jadual Kedua Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Jika pertubuhan tersebut tidak memperuntukkan sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual tersebut, maka pihak pendaftar mempunyai hak untuk membatalkan atau menolak pendaftaran pertubuhan tersebut sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 9 (3) (e) akta ini.

Sebahagian agensi pendaftar NGO ini mewajibkan sesuatu pertubuhan mempunyai perlembagaan, manakala sebahagian akta ini tidak mewajibkan pertubuhan mempunyai perlembagaan. Agensi pendaftar juga telah menetapkan elemen atau perkara-perkara yang perlu ada dalam sesuatu perlembagaan pertubuhan, tetapi dalam masa yang sama tetap memberikan hak kepada pertubuhan untuk merangka perlembagaan mereka mengikut kesesuaian. Justeru itu, setiap NGO tersebut terikat dengan undang-undang yang mana mereka didaftarkan. Perbezaan pendaftaran dan lesen ini mengakibatkan perbezaan objektif pertubuhan, bentuk operasi, keahlian dan pengauditan. Pemilihan bentuk pendaftaran NGO banyak dipengaruhi oleh sumber kewangan, aktiviti yang akan dijalankan dan objektif pertubuhan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Dua metod pengumpulan data telah digunakan, iaitu analisis dokumen dan temubual. Pertama; metod analisis kandungan digunakan untuk menganalisa peruntukan undang-undang atau akta yang mengawal pendaftaran penubuhan sesuatu NGO. Ia bertujuan untuk melihat peruntukan berkaitan perlembagaan pertubuhan NGO dan keperluan yang perlu ada dalam sesuatu perlembagaan NGO. Perlembagaan-perlembagaan NGO juga dianalisa untuk melihat persamaan dan perbezaan ciri-ciri perlembagaan tersebut. Selain itu, analisa juga dibuat terhadap buku, artikel jurnal serta laporan berkaitan NGO di Malaysia. Kedua; metod temubual yang dijalankan secara separa berstruktur kerana ia bersifat lebih terbuka dan fleksibel. Protokol temubual telah diedarkan terlebih dahulu kepada responden sebagai panduan. Sebanyak 11 NGO, 5 agensi pendaftar pertubuhan dan 2 penyelaras pertubuhan di Malaysia ini telah ditemubual bagi mendapatkan data yang menyeluruh. Kriteria pemilihan NGO ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri Islamik yang ada pada mereka, seperti diketuai dan dianggotai oleh majoriti orang Islam.

Seterusnya, data yang diperolehi daripada dokumen dan temubual ini dianalisis secara deskriptif dan tematik. Kod-kod (*coding*) dibina berdasarkan tema-tema daripada objektif kajian dengan bantuan perisian Atlas.ti agar lebih efisyen.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapat tidak terdapat akta atau garis panduan yang membezakan antara NGO Islam dan NGO bukan Islam oleh agensi pendaftar pertubuhan sama ada dari segi definisi, operasi mahupun perlembagaan. Oleh itu, kajian ini telah memberikan satu definisi kepada NGO Islam, iaitu;

'Organisasi atau pertubuhan bukan kerajaan yang meletakkan kepentingan Islam sebagai objektif dan agenda penubuhannya atau yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak berorientasikan keuntungan dan selaras dengan kehendak Syariah atau yang mempunyai keahlian majoriti yang terdiri daripada orang Islam atau yang mensyaratkan ahli lembaga pengaroh dan Pemegang Amanah mestilah terdiri daripada mereka yang beragama Islam.'

Maka, secara dasarnya NGO Islam perlulah mempunyai 3 ciri-ciri utama. Pertama; Berpegang kepada ajaran Islam. Kedua; Perjawatan tertinggi hanya terbuka kepada orang Islam, namun mempunyai keterbukaan dari segi keahlian kepada orang bukan Islam dengan syarat tertentu. Ketiga; Tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti bersalah dengan syariat Islam.

Manakala, hasil dari temubual yang dijalankan bersama NGO Islam, terdapat enam elemen penting yang perlu ada dalam sesebuah perlembagaan NGO Islam:

1. Aktiviti yang patuh syariah

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah NGO Islam mestilah selaras dengan prinsip dan kehendak Syariah. Ia sebaiknya disemak dan diluluskan terlebih dahulu oleh jawatankuasa penasihat Syariah yang dilantik oleh pertubuhan. Sebarang program yang bertentangan dengan Syariah hendaklah dijauhi agar tidak menimbulkan fitnah.

"dalam perlumbagaan mesti ada menunjukkan aktiviti NGO yang membawa kepada Islam. Kalau dia buat NGO Islam, tapi aktiviti tu tak membawa kepada Islam, jadi, saya fikir tidaklah sesuai dinamakan sebagai NGO Islam" (NGO 1).

2. Ketelusan kewangan

Sesebuah NGO Islam itu hendaklah bersifat telus kewangan yang dapat diukur dari audit dalaman dan luaran yang sistematik. Ketelusan ini juga melibatkan kos pentadbiran, perbelanjaan, pendanaan luar, polisi dalaman pertubuhan dan tiada penggubahan wang haram (*money laundering*). Kejujuran dan ketelusan inilah yang menjadi asas penting bagi setiap NGO.

"Dan untuk mengelakkan dari money laundering, kita mendapatkan khidmat nasihat dari bank negara, contohnya, bagaimana kita nak menghantar wang ataupun dana dalam jumlah besar ke sana" (NGO 2).

"Sumber kewangan di audit oleh Juruaudit Bertauliah" (NGO 3).

"Kalau dalam details perlumbagaan itu, ada aspek reporting, aspek-aspek yang melibatkan flow duit macam mana, siapa yang ada approval power misalnya di NGO 6 walaupun saya CEO tetapi saya tidak ada full power untuk keluarkan walaupun RM1 secara sendirian. Ia ada system of financial transfer, bagaimana pihak-pihak ini kena approve dan tujuan-tujuan itu mesti dinyatakan dan semua yang kita buat di NGO 6 ini digital jadi semua proses claim atau apa sahaja pergerakan duit itu secara digital. Jadi kita boleh tahu transparency itu ada. Itu soal bagaimana sistem itu dirangka" (NGO 6).

3. Penerapan Nilai Islam

NGO Islam hendaklah mempunyai dan sentiasa menerapkan nilai-nilai, adab dan etika Islam dalam gerak kerja dan pentadbiran pertubuhannya. Ia termasuklah pelaksanaan syura atau dikenali sebagai perbincangan mesyuarat, menepati waktu dan berintegriti. Penerapan nilai Islam ini perlulah diamalkan dan dihayati sama ada oleh pimpinan mahupun ahli-ahli pertubuhan.

"untuk NGO Islam ini, saya rasa elemen penting yang perlu dimasukkan walaupun kita tak menggunakan nama syura dan sebagainya.. tapi, benda-benda tu semua ada, cuma, perlu diperbaiki elemen seperti mesyuarat. Mesyuarat bulanan tu maknanya ada la syura.." (NGO 4).

"Kita tak letakkan NGO kita sebagai NGO Islam... tapi kita consider ourselves sebagai NGO Islam... Kita bergerak dengan nilai-nilai Islam itu sendiri..." (NGO 2).

4. Pegangan Akidah yang Sahih

Pegangan akidah yang menjadi asas kepercayaan pimpinan dan ahli-ahli sesebuah pertubuhan NGO Islam itu mestilah benar lagi sahih menepati akidah ahli Sunnah. Ia merupakan asas dan tunjang utama yang akan memandu dan membawa halatuju pertubuhan itu.

"dari sudut elemen yang penting, nombor satu adalah kepercayaan kita la..sebab kita akan berpandu kepada Al-Quran dan Sunnah..itu sahaja..bila kita berpandu kepada Al-Quran dan Sunnah, kita tak deviate" (NGO 5).

5. Tadbir Urus yang Baik

Sesebuah NGO Islam itu hendaklah mempunyai tadbir urus yang baik dan sistematik dari segi keahlian, kewangan, pentadbiran, pemilihan pemimpin dan peraturan dalamannya. Ia mestilah ditadbir dengan baik oleh setiap pimpinan dan staf pekerja pertubuhan dan sepatutnya direkodkan dalam bentuk digital.

"Antara yang menjadi teras kepada NGO 6 adalah teknologi dan data. Kita pastikan semua projek atau apa sahaja intervensyen di NGO 6 mesti berasaskan data dan mesti memanfaatkan infrastruktur teknologi" (NGO 6).

"Justeru, aspek tata kelola yang baik harus menjadi keutamaan dalam penentuan aspek-aspek penting yang dimasukkan dalam Perlembagaan. Saya fikir, Perlembagaan Pertubuhan tidak banyak berbeza antara satu pertubuhan dengan pertubuhan yang lain, memandangkan cakupan aspek asas yang sama seperti tujuan pertubuhan, keahlian, pemimpinan, mesyuarat agung, pemilihan jawatankuasa, kewangan, dan komponen governans yang lain" (NGO 7).

"Kedua, penting apabila kita menubuhkan NGO dan sebagainya, adanya senarai pemegang amanah yang berwibawa dan amanah. Trustee sendiri must be people yang berwibawa karakter mereka, amanah dan berpengalaman luas" (NGO 8).

6. Matlamat Penubuhan yang Jelas

Sesebuah NGO Islam perlulah mempunyai matlamat penubuhan yang jelas dan meletakkan kepentingan Islam sebagai matlamat utama. Ia dirangka dengan kemas sejak dari awal penubuhan agar dapat memandu halatuju pertubuhan dalam setiap gerak kerja dan program-program yang akan dijalankan.

"dari sudut misi dan visi.. kenapa NGO tu ditubuhkan? Dia mesti jelas untuk memperjuangkan Islam" (NGO 1).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, satu garis panduan perlembagaan dan dasar NGO Islam di Malaysia adalah sangat perlu untuk dibentuk. Ia akan menjadi rujukan dan panduan kepada semua terutamanya bagi mereka yang ingin menubuhkan pertubuhan yang baharu. Garis panduan

perlembagaan itu hendaklah mencakupi elemen-elemen penting yang perlu ada dalam sesebuah perlembagaan dan dasar organisasi NGO Islam demi memastikan ketelusan dan tadbirurus yang baik dan profesional.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian dari kajian yang dilakukan di bawah geran penyelidikan PP-2021-015 MAPIM yang bertajuk 'Kajian Pembentukan Garis Panduan Perlembagaan dan Dasar Organisasi NGO Islam mendepani Cabaran Alaf 21'. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas penganugerahan geran ini.

RUJUKAN

- Ahmad Nidzamuddin, Wan Idros, Mohd Mahadi (pnsy.). 2009. Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmed, S & Potter, D. 2006. NGOs in International Politics, Kumarian Press, Connecticut.
- Aneesa Abdul Rashid1 , 2021, The Correlation of Social Media Activity and Engagement of a Health NGO with the Outcome of Fundraising Efforts During the COVID-19 Pandemic, Bangladesh Journal of Medical Science, Vol : 20 Special Issue on Covid19, 2021.
- Asmady Idris. 2012. Malaysian Non-Governmental Organizations (NGOs) and Humanitarian Issues in Gaza, Palestine. International Journal of West Asian Studies, Vol 4, No 1, 49-78.
- Azzyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2014. Peranan NGO Islam dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia. Jurnal Hadhari 6 (1), 1-12.
- Berita Harian Online. 2017. Pertubuhan dibatal jika gagal patuhi perlembagaan – TPM, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/364865/pertubuhan-dibatal-jika-gagal-patuhi-perlembagaan-tpm> (23 Februari 2021)
- Demirovic, A. 2003. 'NGOs, the State and Civil Society: The Transformation of Hegemony', Rethinking Marxism, vol. 15, no. 2, April. [http://Encyclopedia of social work \(24 Februari 2021\)](http://Encyclopedia of social work (24 Februari 2021))
- <http://askensinaga.wordpress.com/2008/06/02/ngo> (24 Februari 2021)
- <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/11/15982/ngo-penuhi-keperluan-sosial-rakyat> (23 Februari 2021)
- Hemamamalani Kunapalan, Norafidah binti Ismail, Aminurraasyid Yatiban. 2020. The Roles of Non-Governmental Organizations (NGOs) in Assisting Refugees: From Malaysia Context.

- Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities. Vol 5 (5), 89-94.
- Khadijah Amira Abdul Rashid, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mohd Soberi Awang. 2021. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, Vol 25 (1), 154-169.
- Khoo Ying Hooi. 2013. Malaysian Journal of Democracy and Election Studies, Vol 1 (1), 76-85.
- Laila Suriya Ahmad Apandi, Mohd Dino Khairi Shariffuddin & Nik Nor Suhaida Ali. Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia. Proceeding of The International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016).
- Makmor Tumin. Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia, Jurnal Sejarah, Vol 26 (2), 161-176.
- Shahram Akbarzadeh, , Rebecca Barlow & Sanaz Nasirpour , 2021. Registered NGOs and advocacy for women in Iran, Third World Quarterly 2021, VOL. 42, NO. 7, 1475–148.

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 8 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2023



Published by:

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

Kepentingan Amalan Beragama Bagi Warga Emas dan Perlaksanaannya di Pusat Jagaan Terpilih di Malaysia	1-9
<i>The Importance of Religious Practice for the Elderly and Its Implementation in Selected Care Centers in Malaysia</i>	
Zainursyamimi Zakaria, Zuliza Mohd Kusrin	
Hukum Normalisasi Hubungan Diplomatik dengan Israel Menurut Siyasah Shar'iyyah	10-18
<i>The Legality of Normalizing Diplomatic Relations with Israel According to Siyasah Shar'iyyah</i>	
Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi, Anwar Fakhri bin Omar	
The Determination of Citizenship for Children Born Aboard International Flights: A Comparative Analysis Under International, Nigerian, and Islamic Legal Frameworks	19-26
Ismail Adua Mustapha	
Analisis Hibah Menurut Tinjauan Fiqh dan Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (KHES)	27-34
<i>Analysis of Hibah (Gift) in the Context of Fiqh and the Compilation of Sharia Economic Law (KHES)</i>	
Asiah Aqilah Abdul Ghani, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Siti Fatihah Azani	
Kefahaman Belia Muslim Memilih Pasangan Berdasarkan Konsep Kafa'ah Dalam Islam	35-45
<i>Understanding of Muslim Youth in Selecting a Spouse Based on the Concept of Kafa'ah in Islam</i>	
Zuliza Mohd Kusrin, Ummi Syahirah Razak	
Perlembagaan NGO Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Keperluan Pembentukan Garis Panduan	46-52
<i>The Constitution of Islamic Non-Governmental Organizations in Malaysia: An Analytical Assessment of the Need for Establishing Guidelines</i>	
Nur Aina Abdulah, Norhoneydatie Abdul Manap	
The Relationship Between Non-Halal Animals and Pandemic Diseases According to the Shafie School of Islamic Law	53-60
Mohamed Faiz Asyraf Razali	
Aplikasi Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah dalam Instrumen Tahanan Pencegahan di Malaysia	61-70
<i>Application of Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah in Preventive Detention Instruments in Malaysia</i>	
Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar, Mohd Al Adib Bin Samuri	